


Newspaper	Harian Metro
Date	3/12/2012



SAMBUT...Haron mengiringi Abdullah me'awat pameran.

HM-3/12/2012

## Jalin kerjasama

**K**UALA LUMPUR: Pengamal perubatan Islam digesa menjalinkan kerjasama berterusan dengan Kementerian Kesihatan bagi memastikan perkara berbangkit mengenai sebarang isu berkaitan dapat dibincang dan diselesaikan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, langkah itu perlu dalam usaha mendidik masyarakat mengenai amalan perubatan mengikut

kaedah agama selain mengelak ia disalah tafsir.

"Kalau ada kekurangan di dalam pelaksanaan, ia timbul perkara yang tidak difahami dan menyebabkan masyarakat tidak dapat terima kerana mereka tak faham," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kongres Pengubatan Islam Nusantara di sini, semalam.

Hadir sama, Penasihat Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, Datuk Dr Haron Din.